

Volume I
No. 22



Saturday
28th November, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**FIRST SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1965 (Second Reading) [Col. 2925]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Saturday, 28th November, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

- The Honourable WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
(Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,
S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P.
(Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jelai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

- The Honourable ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K.
(Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARAH BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASILI (Sarawak).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).

- The Honourable ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI AEOL (Sarawak).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' E. W. BARKER (Singapore).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).

- The Honourable ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
 „ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
 „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
 „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
 „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
 „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
 „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
 „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
 „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
 „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
 „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
 „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
 „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
 „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T., J.M.K., D.J.M.K. (Singapore).
 „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
 „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
 „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
 „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
 „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
 „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
 „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
 „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
 „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
 „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
 „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
 „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
 „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
 „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
 „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
 „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
 „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
 „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
 „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
 „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
 „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1965

Second Reading

Order read for resumption of debate on motion, "That the Bill be now read a second time" (25th November, 1964).

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasis Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya lebih dahulu mengucapkan berbilang² terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sa-telah memberi peluang kepada saya mendahulukan perbahathan berkenaan dengan Anggaran Belanjawan bagi negara kita untuk tahun 1965 ini. Bila kita perhatikan kedudukan Anggaran Belanjawan negara kita yang telah dibentangkan dengan sa-luas²-nya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan

dan telah di-bayangkan kepada kita bahawa negara kita ini akan menghadapi kekurangan kewangan, atau *deficit* lebeh \$180 million ia-itu satu keadaan kekurangan kewangan yang belum pernah berlaku di-dalam negara kita ini.

Memang, Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah perkara biasa bagi sa-sabuah negara menghidangkan Anggaran Belanjawan negara yang mengandongi kekurangan kewangan saperti yang kita hadapi pada hari ini. Ini ia-lah di-sebabkan bahawa banyak kerja² pembangunan dan terutama sa-kali oleh kerana belanja pertahanan negara ini besar lebeh daripada 30 peratus daripada peruntukan bagi tahun yang akan datang ini ia-lah belanja² untuk pertahanan negara kita sekarang ini. Dan memang, Tuan Yang di-Pertua, menjadi kebiasaan juga bagi negara mana² pun menutup kekurangan belanjawan negara itu dengan menaikkan chukai. Ini tidak-lah menjadi perkara luar biasa, malah kadang² jalan yang paling mudah, atau short cut bagi menutup kekurangan belanjawan negara itu ia-lah dengan menaikkan chukai, tetapi satu perkara yang sama² kita tahu bahawa tiap² kenaikan chukai dalam sa-sabuah negara itu, maka akan terlibat sama-lah harga² barang keperluan hidup sa-hari². Harga barang² keperluan hidup hari² akan berlelgang kang-kong sama-lah dengan jumlah chukai itu akan ikut naik sama, dan dengan yang demikian tuntutan hidup dalam masyarakat ini akan ikut sama terlibat.

Saya memerhatikan ada perkara² yang kurang sedikit mendapat perhatian daripada pehak Kerajaan di-dalam menyusun kenaikan chukai ini ia-itu-lah chukai² ka-atas barang² mewah. Sa-bahagian besar daripada senarai chukai yang di-bentangkan di-dalam Rumah yang berbahagia ini ia-lah ka-atas barang² yang menjadi keperluan hidup sa-hari². Barang² mewah di-dalam negeri ini ia-lah terutama-nya sa-kali saperti minuman yang memabokkan. Di-Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, minuman mereka itu telah begitu menjadi manja dengan sa-bahagian terbesar

masyarakat atasan di-dalam negeri ini yang jumlah pendapatan chukai mengambil tempat yang tidak kurang istimewa-nya sa-lama ini. Jikalau sa-kira-nya chukai minuman yang memabokkan ini di-naikkan sampai lebeh daripada 100% dari sekarang ini, itu pun tidak-lah menyentoh sama sa-kali kehidupan masyarakat umum, dan saya perchaya jika sa-kira-nya langkah yang saperti itu di-lakukan oleh pehak Kerajaan, maka ini akan menambahkan hasil negara ini dengan banyaknya.

Kita terpaksa dudok di-antara dua sikap, Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita haramkan minuman keras, atau minuman memabokkan saperti yang pernah di-lakukan oleh Kerajaan² lain, saperti negara India yang memang tidak pun merasmikan Islam ugama rasmi dalam negeri-nya, dan kalau sikap itu di-lakukan akan mengurangkan hasil negara mengikut pendapat biasa, dan begitu-lah yang kita nampak dan begitu-lah pula alasan² yang di-berikan, atau yang akan di-berikan oleh pehak Kerajaan. Dengan pendapat ini bahawa pendapat² sa-tengah ahli² kewangan kita bahawa pendapatan Kerajaan dan pendapatan Kerajaan sendiri bahawa chukai minuman keras itu ada-lah satu daripada puncha yang di-harap untuk kewangan negara kita ini.

Maka chara yang kedua, kalau tidak-lah ada chadangan dari pehak Kerajaan yang akan mengharamkan langsung, kerana memikirkan soal² kewangan negeri ini mithal-nya, maka patut-lah chukai bagi minuman yang memabokkan itu di-naikkan dengan tinggi-nya dan dengan yang demikian dia akan merupakan hasil yang benar² di-harap, saya perchaya mungkin hasil²-nya itu akan mencapai pada anggaran lebeh daripada \$100 juta sa-tahun. Tentu-lah bagi mereka yang sentiasa hidup mewah yang sentiasa berdamping dengan minuman yang menghairahkan ini akan merasa terharu kalau pehak Kerajaan dengan sikap yang berani menaikkan chukai yang berlipat ganda.

Akan tetapi kalau di-bandingkan dengan pendapatan² sa-bahagian besar

daripada mereka yang sentiasa hidup berdamping dengan minuman yang memabokkan ini, maka hal itu tidaklah sangat membimbangkan dan mengesalkan kepada mereka itu, sebab langkah yang seperti ini kalau dijalankan ia tidak-lah sama sa-kali menyentoh kehidupan masyarakat ra'ayat biasa. Kita tahu seperti kata saya tadi, yang memerlukan minuman yang memabokkan ini sa-bahagian besar-nya ia-lah masyarakat² luar biasa, masyarakat atasan dan masyarakat yang pendapatan-nya tinggi yang sudah tentu mampu membayar walau harga-nya melambong tinggi sa-banyak mana sa-kali pun. Ini berlainan dengan masyarakat umum yang hidup-nya memerlukan gula, yang hidup-nya memerlukan garam, beras, ikan kering, telur dan sa-bagai-nya. Ini sa-bagai mitalhan saya kemukakan dan mungkin banyak lagi barang² mewah yang lain yang boleh di-fikirkan oleh pihak Kementerian ini demi untuk menjaga keharmonian Anggaran Belanjawan negara kita dalam menghadapi tahun 1965 ini dan sa-terus-nya.

Saya suka menyatakan baharu² ini mungkin akibat peropaganda yang tidak baik atau mungkin kerana peropaganda saudagar² yang ingin menchari keuntungan yang berlebihan², sa-minggu sa-belum Yang Berhormat Menteri Kewangan mengishtiharkan kenaikan chukai, maka segala orang ramai telah berkejaran membeli motor-² baharu atau menukar motor-² lama-nya dengan motor-² baharu, kerana sa-olah² mereka telah diyakinkan bahawa chukai motor-² pun akan naik, tetapi apa yang kita dapati bahawa kenaikan chukai itu tidak menyentoh soal motor-². Maka Alhamdulillah, dengan senyum simpul saudagar² motor-² dapat melakukan motor-² dengan kesempatan hendak mengishtiharkan kenaikan chukai baharu² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bahawa Sidang Belanjawan pada kali ini ada-lah satu Sidang Belanjawan yang paling hebat dalam sejarah negeri ini. Hebat bukan sahaja kerana jumlah Anggaran Perbelanjaan begitu besar malah kerana deficit-nya juga

besar, bahkan peratus yang di-beri lebeh daripada 30 peratus untuk pertahanan negara juga besar dan yang lebeh dari itu lagi Sidang Belanjawan ini di-lakukan di-dalam sa'at konferantasi daripada Indonesia bertambah hebat. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti-lah sa-bagai anak laki² mengaku kenya-taan. Kita mesti mengaku bahawa akibat daripada konferantasi Indonesia ini sedikit sa-banyak telah menyentoh kedudukan ekonomi negara kita. Tidak-lah guna kita gagah²kan dan tidak-lah guna kita menipu diri kita sendiri untuk mengaku kebenaran bahawa konferantasi itu sedikit sa-banyak menyentoh kedudukan ekonomi negara kita. Sa-kurang² untuk di-faham dengan sa-pintas lalu bahawa peruntukan pertahanan kita di-tambah dan Belanjawan negara kita deficit. Lebeh² lagi dari itu, Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi pengetahuan umum bahawa pengaggoran yang berlaku dalam negara kita, terutama-nya di-Singapura dan Pulau Pinang, barangkali Perdana Menteri Singapura lebeh tahu hal ini. Itu ada-lah sa-bahagian besar-nya akibat daripada konferantasi.

Tuan Yang di-Pertua, memang agak ganjil juga dan memang menjadi satu pertanyaan kenapa sa-belum Malaysia di-bentuk, Indonesia tidak melancarkan konferantasi-nya ka-atas negara kita, dan kita tahu antara kita dan Indonesia pada masa dahulu-nya merupakan negara dua sa-rumpun, jiran dan negara yang paling ikrah, tetapi kini semua-nya telah terberanchai, hanchor dan hilang di-dalam kenangan sejarah. Apa-kah sejarah lama itu tidak mungkin berulang lagi, mari-lah kita sama² serahkan kepada Tuhan, mudah²an sejarah lama itu akan hidup kembali dan biar-lah kejadian ini kejadian buat sementara sahaja.

Sa-bagaimana Dewan yang mulia ini telah ketahui, Tuan Yang di-Pertua, sikap PAS dalam soal ini dahulu sa-belum lagi Malaysia di-wujudkan bahawa PAS menentang konsep Malaysia—menentang gagasan Malaysia yang di-kemukakan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri, dan

PAS lebih mengingini satu konsep yang luas ia-itu Maphilindo dan memang konsep itu di-terima oleh Kerajaan Malaysia sekarang ini. Sikap ini tegas. Dan, Tuan Yang di-Pertua, kita memandang masa hadapan negara kita ini ia-lah satu negara yang lebeh hamoni dan lebeh bahagia. Peluang itu pada pandangan saya maseh belum lenyap. Persidangan negara² Afro-Asia yang akan bersidang mungkin di-Algeria nanti akan memberi kesempatan yang penoh kapada kita Malaysia dan juga kapada pehak Indonesia hendak-nya menchari penyelesaian sa-chara damai.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan tadi bahawa sikap PAS tegas menentang konsep Malaysia, tetapi orang tertanya² kenapa sekarang ini PAS bersama² dengan Kerajaan menentang pencherobohan. Ya, memang, Tuan Yang di-Pertua, satu masa pernah di-dalam Dewan yang mulia ini pehak PAS mengemukakan satu usul atau sa-kurang²-nya mengemukakan satu pendapat bahawa perseli-sehan, pertikaian, pertelagahan dan perkelahian antara negara kita Malaysia dengan Indonesia itu sa-daya upaya-nya hendak-lah di-selesaikan sa-chara aman dan damai. Akan tetapi kalau pehak yang melakukan pencherobohan, maka terpaksa-lah pehak kita berdiri bagi menghadapi pencherobohan itu. Ini pegangan juga di-asaskan kapada kehendak ugama Islam yang maha suchi yang telah menyatakan apabila dua gulongan bertentang dan sama² saudara bertentang, maka hendak-lah engkau damaikan antara dua gulongan itu, tetapi kalau sa-pehak itu mencheroboh maka hendak-lah engkau perang pehak yang mencheroboh. Ini asas Islam dan asas ini di-pegang oleh Parti PAS dan tidak akan kita lepas²kan asas yang mulia dan asas yang benar ini.

Sebab itu tidak-lah hairan, Tuan Yang di-Pertua, kenapa PAS berdiri sekarang ini dengan tegoh dan tegas berjuang bersama² dengan Kerajaan bagi menghadapi konferantasi daripada Indonesia itu. Tidak-lah hairan bahawa bagaimana Kerajaan PAS Negeri Kelantan mengambil sikap yang tegas menyokong Minggu Per-

paduan dan menyokong Derma Pertahanan Negara dan berbagai sokongan demi untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan negara kita. Kita menghadapi suatu kenyataan bahawa negara Malaysia telah dibentok dan ia telah wujud. Pertentangan PAS terhadap gagasan Malaysia tetap merupakan tentangan, tetapi negara Malaysia yang merupakan sa-bagai satu kedaulatan bagi negeri ini ada-lah hak kita bersama dan kita perlu pertahankan walau pun sampai kapada akhir hayat kita sa-kali pun (*Tepok*). Ini ada-lah asas kita yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalek kapada soal kedudukan ekonomi bagi Malaysia ini. Memang ekonomi Malaysia ini, mengikut pandangan dunia, ada-lah negara yang nombor dua baik-nya di-sabelah Timor ini. Nombor satu-nya ia-lah negara Dainipon atau negara mata hari terbit ia-itu negara Jepun. Saya perchaya ada-lah perhetongan² itu ada-lah dibuat dan di-nilaiikan daripada jumlah pukul rata daripada nilaiian ekonomi seluroh-nya. Kita akui ini ada-lah sa-bagai satu kenyataan, akan tetapi kita terpaksa juga mengaku² sa-bagai satu kenyataan juga bahawa perbezaan antara gulongan berada dengan gulongan yang ta' berada amat jauh sa-kali dalam negeri ini ibarat bukit yang tinggi dengan jurang yang dalam. Susunan ekonomi kita maseh merupakan menimbun bukit yang tinggi. Apa-kah satu usaha untuk mendekatkan jarak yang jauh ini dan apa-kah satu ikhtiar bagi mengurangkan perbezaan yang menjolok mata. Ini ada-lah satu chabaran kapada pehak Kerajaan sendiri, terutama-nya kapada pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan yang lebeh terutama lagi kapada Menteri Mudanya yang nampak-nya mempunyai tugas yang terang dan nyata dalam soal ini.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa gulongan terbesar yang ada di-pehak yang kedua yang di-sipatkan sa-bagai dudok di-dalam jurang yang dalam ia-lah gulongan daripada pehak Melayu—bumi putera negeri ini,

teras kebangsaan Malaysia yang di-kasehi ini. Kita akui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pihak Kerajaan telah mengadakan ikhtiar mengikut sa-chara-nya sendiri, mengadakan pejabat ia-itu pejabat Setia-usaha bagi menolong orang² Melayu di-lapangan ekonomi dan Menteri Muda kita, Menteri Muda Perdagangan dan Per-usahaan yang menjadi panglima-nya di-dalam perjuangan untuk menolong ekonomi bangsa Melayu ini. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, semenjak pada tahun² ia di-tubuhkan, sa-jauh mana hasil yang telah kita dapati. Apa-kah dengan memberi penerangan bagi orang Melayu membeli saham² dalam sharikat² bangsa asing itu sudah cukup, sudah lumayan sa-bagai erti kata menolong ekonomi orang Melayu? Ini pun satu chabaran kepada Yang Berhormat itu sendiri, satu chabaran yang tidak perlu di-diamkan begitu sahaja, satu chabaran mesti di-jawab bukan jawab dengan kata² tetapi di-jawab dengan amalan dan perbuatan.

Saya tertarik hati membaca ucapan membena yang di-keluarkan oleh Professor Engku Aziz bahagian ekonomi negeri ini, maka telah di-sipatkan chara² membeli share atau membeli saham—ia-itu menolong orang Melayu membeli saham di-dalam perusahaan² yang besar itu di-sipatkan sa-bagai ekonomi kacang goreng. Professor Engku Aziz bebas mengeluarkan pendapat-nya dan pihak Kementerian tidak boleh berkecil hati terhadap Professor itu. Dan saya perchaya soal ekonomi kacang goreng ini, Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi persoalan begitu hangat di-dalam masyarakat terutama di-dalam masyarakat bangsa Melayu yang sentiasa menggigit jari bila mengenang nasib-nya dalam lapangan ekonomi. Tetapi yang saya sedeh sa-hingga hari ini Menteri Muda Yang Berhormat itu belum lagi menjawab, gayong belum bersambut, kata belum berjawab. Apa-kah gayong itu di-biarkan menari di-hadapan Menteri Muda kita dan apa-kah sikap itu di-biarkan—di-letak oleh suasana alam yang gagak gempita itu? Memang benar kita hadapi konferantasi tetapi

benar juga kita tidak akan melepaskan tugas² membena negara ini walau pun konferantasi itu berjalan terus. Dan ini satu chabang, satu *juzu'* daripada usaha membena dan membangunkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, patut-lah Menteri Muda Yang Berhormat ini apakala datang sa-suatu tegoran dan kechaman daripada sa-orang Professor walau pun hendak di-akui atau tidak di-akui pendapat-nya, kaji-lah dan terima-lah kechaman itu sa-bagai satu asas untuk kajian sa-lanjut-nya. Dan memang sa-takat usaha² meminta dan memujuk sharikat² asing meluang dan melapangkan perniagaan-nya untuk memberi peluang kepada orang² Melayu membeli share dan usaha² menubuhkan sharikat pemodalan Melayu, kita junjong tinggi dan kita hormati kepada jasa Menteri Muda khas-nya dan jasa Kerajaan-lah mi-thal-nya kita hormati dan kita junjong tinggi. Akan tetapi jangan-lah pihak Kementerian atau Menteri Muda Yang Berhormat merasa bahawa sudah cukup-lah tugas aku untuk menolong ekonomi orang Melayu, sudah dapat melepas tangan, sudah dapat menyapu tangan-nya daripada abu² dan abok pekerjaan, sudah meletakkan kepala di-bantal dengan lena sahaja, itu hanya baharu langkah pertama, baharu bismillah dalam ikhtiar untuk meninggikan ekonomi bangsa Melayu dan memang saya sa-pendapat dengan Professor Engku Aziz kalau sa-kadar memberi peluang membeli saham dan memberi peluang untuk menubuhkan sharikat saperti itu sahaja belum cukup. Saya tidak tahu-lah ekonomi kacang goreng-kah, kacang kuda-kah, tidak-lah saya tahu tetapi memang belum cukup. Sebab itu-lah saya katakan ini merupakan satu chabaran.

Tuan Yang di-Pertua, itu baharu sa-kadar saya berchakap menyentuh sedikit satu sudut daripada soal ekonomi orang² Melayu di-dalam negeri ini. Pertama semua espek yang patut di-sebutkan berhubung dengan nasib orang Melayu. Saya terbaca baharu² ini di-dalam surat khabar bahawa Kerajaan Lee Kuan Yew di-Singapura hendak menubuhkan satu

jabatan khas yang akan di-beri nama Pejabat Hal-ehwal Orang Melayu di-Singapura. Sampai sekarang ini maseh menjadi tanda tanya di-dalam hati saya sendiri. Apa-kah sikap ini yang sa-benar-nya, ada-kah sikap ini di-buat kerana hendak mengubat hati orang² Melayu di-Singapura, satu ketika telah di-halau daripada tempat dudok mereka kerana hendak mendirikan rumah² petak yang tentu-nya tidak bagitu sesuai kapada orang Melayu itu sendiri? Tentu-lah Perdana Menteri Singapura sendiri—Lee Kuan Yew—tidak hadir pada hari ini, lebeh tahu dengan niat-nya sendiri. Tetapi kita memandang ini satu langkah yang besar justeru oleh kerana bangsa Melayu kita termasuk golongan minority di-Singapura itu sendiri, maka mungkin-lah pehak Kerajaan Lee Kuan Yew akan melayan orang Melayu sa-chara minority juga. Kalau-lah pehak Kerajaan Persekutuan tidak mahu, saya mena-sehatkan supaya mengambil langkah timbal-balek hasil mengadakan satu pejabat hal-ehwal orang China di-Tanah Melayu ini dan oleh kerana orang² China satu golongan minority maka kita layan sa-chara minority; saya tidak berchadang hendak membuat satu chadangan saperti itu dan saya perchaya pehak Kerajaan pun tidak akan menerima kalau datang chadangan saperti itu.

Langkah yang di-buat oleh Kerajaan Lee Kuan Yew di-Singapura itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memandang satu langkah politik yang amat di-sangsikan sa-kali. Saya bimbang bahawa nasib orang² Melayu di-Singapura khas-nya akan menerima nasib saperti umat Arab di-Palestine. Apa-kah langkah ini ada kaitan dengan sikap parti Lee Kuan Yew, Perdana Menteri, Singapura, sendiri? Parti PAP bukan parti atas pagar tetapi PETIR—Parti Tindakan Ra'ayat. Khabar-nya baharu² ini telah mengambil sa-orang pakar bangsa Yahudi atau Israil—nama-nya payah saya hendak sebutkan, kalau saya sebutkan tidak betul, tolong-lah sebutkan sendiri—nama-nya *L. B. Evel*. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, pakar bangsa Yahudi Evel ini

bukan ra'ayat Malaysia. Jadi Lee Kuan Yew telah mengambil dia dengan di-beri tugas; ini khabar saya katakan, di-beri tugas untuk melateh kadar² PETIR kadar² PAP di-Singapura, latehan jenis apa-kah di-jalankan tidak-lah saya tahu sebab kita ketahu i itu ada-lah menjadi rahsia parti-nya sendiri. Apa-kah latehan ini ia-lah merupakan latehan pelajaran tentang bagaimana orang² Yahudi merebut negara Palestine, tidak-lah saya tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' D. R. Seenivasagam (Ipoh): Mr Speaker, Sir, I rise on a point of order, Standing Order 36 (9), and I raise it in respect of references made by the Honourable speaker in reference to Singapore. In view of the situation in Singapore, under Standing Order 36 (9), sub-section (c), I shall leave it to you, Mr Speaker, to decide whether references to communal activities in Singapore are appropriate at this moment when the situation just appears to be settling down.

Mr Speaker: I have been waiting to see whether the Honourable Member was making those references in passing.

Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, jadi itu-lah sa-sudah kita kaji kedudukan yang saperti itu apa-kah nasib bangsa Melayu pada masa akan datang, apa-kah dia akan menjadi bangsa yang berjaya, bersama berjaya-nya dengan Malaysia, bangsa yang bahagia bersama² dengan bahagia-nya Malaysia, kita serahkan-lah kapada kegiatan pemimpin² kita bagi menentukan tekad-nya sahaja pada masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, kita maseh ingat bagaimana Perdana Menteri Singapura satu masa dahulu membuat rundingan sa-chara langsung dengan pehak British. Tentu-lah satu daripada perkara yang besar diperbinchangkan.

Mr Speaker: Saya terpaksa mengingatkan Ahli Yang Berhormat jangan-lah panjang²kan kapada perkara yang luar daripada perkara yang kita bahathkan ini.

Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang besar dalam rundingan

itu tentu-lah soal kedudukan serta gulungan yang besar daripada ra'ayat Malaysia itu sendiri dengan orang² China. Tentu-lah rundingan itu mendapat lebeh lagi galakan dengan perubahan Kerajaan British sekarang ini, perubahan daripada Kerajaan Conservative kepada Kerajaan Buruh. Dan kalau kita bandingkan dengan kedudukan dasar parti Petir sekarang ini, boleh-lah di-masokkan ia ka-dalam gulungan Socialist, di-dalam gulungan Buruh. Saya tidak kira sama ada ia kanan atau pun kiri. Apa-kah Malaysia akan terbahagi kepada dua dengan dua Perdana Menteri nanti seperti nasib Palestine, kita serahkan-lah kepada perhatian pemimpin² yang memegang tampok pemerintahan sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, patut-lah hal ini semua kita serahkan terutama sa-kali kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita, supaya berwaspada dan awasi benar-lah politik lichin Singapura sekarang ini kalau tidak mahu sejarah dunia di-ubah seperti berubah-nya sejarah dunia ka-atas negara Palestine itu sendiri. Politik pechah² kemudian perentah satu daripada ilmu politik penjajah maseh lagi nampak-nya berjalan di-negara kita ini. Tetapi PAS, Tuan Yang di-Pertua, tetap-lah berjuang supaya negara kita tetap daulat merdeka dan wibawa, kata orang kita sekarang ini, yang di-dalam-nya bangsa Melayu dapat hidup sa-bagai satu bangsa bumi putera negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beraleh pandangan saya kepada soal pertahanan bagi Malaysia ini. Tadi saya telah sebutkan bahawa dalam Budget kita ini peruntukan kerana pertahanan negara telah di-tambah dengan banyak dan lebeh daripada 30% daripada jumlah semua peruntukan tahun ini. Satu peruntukan yang besar yang saya pandang ada-lah wajar, sudah lama pehak kami mengusulkan supaya pertahanan negara kita ini di-perkuatkan, dan memang-lah satu daripada chara untok menguatkan pertahanan itu ia-lah menambahkan wang bagi-nya supaya dapat kekuatan pertahanan negara kita ini di-susun dan di-ator dengan bagitu rupa. Sekarang, Alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, per-

untukan telah di-tambah, maka patut-lah kita menerima kaseh kepada Menteri Kewangan sa-kurang²-nya dengan menambahkan peruntukan bagi pertahanan. Kita berkehendakkan, dalam soal pertahanan ini, kepada satu tujuan ia-itu menuju kepada pertahanan negara yang utoh dan kuat. Ini-lah chita² kita.

Memang benar kita tidak berchadang sedikit pun hendak menyerang negara orang, atau pun hendak mengkonfrantasikan negara orang lain. Dan ini memang sikap tolerance yang tetap sedia di-junjong tinggi, baik oleh pehak Kerajaan sampai-lah kepada pehak ra'ayat, tidak-lah mahu berperang dan tidak mahu menyerang dan tidak mahu konfrantasi dan tidak mahu mengkonfrantasikan orang. Tetapi itu niat kita, niat orang kita tidak tahu, kalau sa-kali pun negara Republik Indonesia tidak konfrantasikan kita, tetapi soal pertahanan negara mesti-lah di-perkuatkan—ini asas pandangan pehak kami di-sini. Kita tidak mahu kekuatan pertahanan itu tergopoh-gapah di-susun oleh kerana datang-nya satu² sikap menyerang atau pun konfrantasi, tetapi walau pun persoalan kita, kerana bertambah-nya peruntukan ini, kita hendak-lah sedar bahawa anchaman terhadap negara ini bukan dari satu pehak, anchaman yang sedia kita tahu ia-lah anchaman kominis, satu² anchaman yang paling bahaya kepada keselamatan dan ke-dauletan negara kita. Kemaraan kominis dari utara ada-lah satu² perkara yang tidak boleh di-abai²kan, gerakan kominis dari Utara sekarang ini bertambah dan hebat. Malaysia merupakan benteng utama dan garis belakang. Ini tidak dapat di-abai²kan dan tidak dapat di-nafikan oleh dunia seluroh-nya, bahkan Amerika sendiri yang merupakan satu sistem negara juara yang menentang kominis. Saya perchaya Amerika juga memandang Malaysia sa-bagai satu benteng mempertahankan kemaraan kominis, kita tahu Amerika telah menchurahkan bantuan bersenjata kepada China Kebangsaan dan kepada Vietnam dan Thai dan negara² bebas yang lain bagi menentang gerakan kominis, dan menentang kemaraan kominis. Champor

tangan Amerika dalam urusan ketenteraan negara itu telah nyata benar kepada kita seluroh-nya dan kepada dunia seluroh-nya—ini satu fact masa sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Rombongan ketenteraan Amerika telah pun datang berunding dengan kita, dan memang-lah sudah tentu pokok perundingan yang utama ia-lah soal bantuan senjata sa-kurang²-nya, dan kita menyambut baik bantuan² yang di-buat itu.

Soal sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah rundingan bantuan bersenjata itu beredar di-sakitar soal² menghadapi konfrantasi dari Indonesia dan kominis atau pun kepada soal² yang di-hadapi oleh pemimpin sekarang ini, kemaraan kominis utara dan kominis dunia? Sebab dua perkara dan dua soal ini memang berlainan daripada soal menghadapi konfrantasi Indonesia sahaja, tentu-lah lebih banyak merupakan soal² Malaysia itu sendiri. Tetapi kalau menghadapi soal² kemaraan kominis telah menjadi Malaysia genting menentang kemaraan kominis dan akan menjadi soal besar, dan soal International ia-itu soal Antara Bangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kechewa manakala tersiar hasil rundingan antara rombongan ketenteraan Amerika dengan Kerajaan Malaysia itu membuahkan perkara yang terlalu negative, bahawa Amerika akan memberi bantuan senjata kepada Malaysia sa-chara pinjaman sa-mata². Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya Kerajaan Amerika hendak-lah sedar bahawa kechuaian mereka, dan kesilapan perhetongan mereka akan mereka bayar dengan harga yang mahal pada masa yang akan datang. Jangan-lah sa-sudah “nasi menjadi bubor” baharu sibok hendak menchari sendok dan kayu api, atau sa-bagai-nya. Kita telah melihat bagaimana kechewa-nya Amerika di-ber-bagai pelosok dunia tentang soal kegiatan²-nya menghadapi perkembangan kominis. Kedudukan Malaysia saperti yang saya bayangkan tadi menjadikan bantuan sa-chara berhutang atau sa-chara pinjaman dari Kerajaan Amerika itu tidak bernilai. Sebab kita terpaksa memandang Malaysia bukan dari sudut menghadapi konfrantasi Indonesia sahaja, tetapi

memandang Malaysia dari sudut benteng untuk menentang kemaraan kominis. Kalau itu-lah dudok bentok-nya Malaysia sa-bagai benteng bagi menentang kemaraan kominis, maka memberi bantuan senjata sa-chara pinjaman tidak bernilai dalam erti kata perjuangan Kerajaan Amerika Sharikat sendiri untuk menentang perkembangan pengaruh kominis.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, meminta supaya di-kaji sa-mula soal ini supaya Kerajaan Malaysia kita ini mengadakan sa-mula rundingan dengan Kerajaan Amerika Sharikat sama ada dia datang ka-mari, atau sama ada kita pergi ka-tempat-nya, dan lebih² lagi Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri akan mengetahui rombongan Malaysia

Dato' Dr Ismail: Mr Speaker, Sir, on a point of clarification, before the Honourable Member goes further, saya hendak mengetahui, apa-kah ma'ana-nya istilah yang di-pakai itu “pinjaman senjata” supaya saya boleh mengerti apa ma'ana-nya “pinjaman senjata” itu. Di-situ, ada-kah wang di-pinjamkan untuk membeli senjata, atau pun senjata di-pinjamkan. Saya hendak tahu apa ma'ana-nya istilah itu.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya mengambil istilah ini mengikut berita yang di-siarkan ya'ani senjata telah di-beri, wang telah di-beri—ta' kira—tetapi di-nilaian atas pinjaman, bukan senjata itu di-pinjamkan, tetapi harga-nya itu-lah. Saya minta-lah kepada pihak Kerajaan Pusat ini sa-mentelahan pula kebetulan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mengetahui rombongan Malaysia ka-dalam Persidangan Agong Bangsa² Bersatu pada bulan depan ini yang akan di-adakan rundingan yang tersendiri di-antara dua pihak antara Malaysia dengan Amerika supaya soal² bantuan bersenjata dari Amerika itu tidak lagi di-beri sa-chara pinjaman, bukan pinjaman sahaja—pinjaman wang-lah, akan tetapi di-beri bantuan sa-chara langsung.

Kerajaan Amerika Sharikat mestilah mengubah dasar-nya supaya pinjaman yang di-berikan kepada Malaysia itu di-ubah kepada pemberian langsung, sebab ini merupakan

satu asas pokok dalam perjuangan negara² demokrasi di-dunia ini bagi menentang kemaraan, fahaman dan gerakan komunis. Sambil itu jangan-lah kita lupa bahawa pertanggungan menjaga pertahanan negara kita ini mesti-lah bulat² di-tangan kita—di-tangan Malaysia sendiri, jangan-lah oleh kerana bantuan senjata datang daripada negara lain, maka dia dapat berluasa menjalankan peranan-nya dalam pertahanan negara kita. Kita mahu kedaulatan pertahanan itu seperti kedaulatan politik yang ada pada negara kita sekarang ini.

Sa-barang champor tangan dari pehak asing ka-atas soal pertahanan negara kita akan memberi erti yang sangat merbahaya. Kedaulatan Malaysia dalam ketenteraan ada-lah satu jaminan pertahanan yang paling utama pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan British sendiri pada masa sekarang ini telah begitu lemah, lemah dalam suasana politik-nya, dan lemah dalam soal kesanggupan, walau pun kita dapat jaminan daripada Perdana Menteri British yang baharu ia-itu akan membantu Malaysia ini, walau pun bantuan kepada negara² lain akan di-kurangkan, tetapi itu telah membayangkan dan menggambarkan kepada kita satu kelemahan semangat dalam menghadapi perkembangan dunia pada masa sekarang ini. Kesanggupan British bagi membantu Malaysia dalam persenjataan, walau pun tetap ada sekarang ini, hampir² kepada tingkatan tanda tanya, atau tanda persoalan. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sudah-lah sampai masa-nya Perjanjian Pertahanan antara Malaysia dengan British itu mesti-lah di-kaji sa-mula, mesti-lah di-kaji sa-mula. Bantuan ketenteraan dari negara² Commonwealth yang kita terima sekarang ini akan lebih memberi kesan, kalau di-ubah kepada chara dan bentuk yang lain.

Ini, semangat seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-mata² hendak di-sesuaikan dengan asas kedaulatan Malaysia di-dalam ketenteraan untuk menjadi pokok jaminan pertahanan Malaysia ini yang sa-benar²-nya. Mesti di-pinda, di-ubah kepada satu bentuk yang

lain—semua bantuan ketenteraan daripada Australia mithal-nya, daripada New Zealand, daripada Canada, atau daripada mana sahaja yang datang sa-bagai negara² sahabat mesti-lah di-ubah—daripada bantuan ketenteraan kepada bantuan persenjataan dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, anak negeri ini, warga-negara bagi Malaysia ini, tidak kurang kebolehan mereka dalam ketenteraan. Semangat yang ada sa-bagai baka turun-temurun daripada pahlawan² sejak dari zaman dahulu kala itu maseh tetap bernyala, chuma dia tidak di-beri api, dan tidak di-tambah minyak untuk di-nyalakan, tetapi ada dan maseh hangat lagi pada masa sekarang kebolehan anak negeri ini di-champor dengan rasa setia, ta'at dan kesungguhan untuk mempertahankan negeri ini, lebih besar nilai-nya daripada kesediaan memberi pertolongan daripada negara asing. Itu-lah soal pokok yang kedua—sa-berapa banyak anak negeri ini mesti-lah di-ambil dan di-lateh serta di-lengkapi dengan senjata² modern dari bantuan negara² sahabat termasuk Amerika, bantuan senjata dan bantuan yang chukup dari soal kewangan. Sebab kalau kita kaji, Tuan Yang di-Pertua, Australia mithal-nya menghantar tentera²-nya ka-Malaysia; kita bershukor kerana dia bawa senjata yang baik. Kita bershukor, kerana gaji-nya di-bayar oleh negara Australia sendiri dan kita tidak terlibat dengan soal kewangan itu. Ini satu pertolongan yang baik, akan tetapi, kalau dapat negara Australia itu mithal-nya digantikan oleh tentera² Malaysia sendiri yang senjata-nya Australia tolong dan duit lagi, dan tolong untuk membayar gaji. Itu lebih memberi kesan, bukan untuk faedah Malaysia sahaja, barangkali Australia sendiri akan merasa lebih selamat orang²-nya tidak mati dan tidak bersusah payah, chuma-nya dia mengeluarkan wang dan mengeluarkan senjata² sahaja. Keperluan dan niat pertahanan itu berjalan terus, malah peratus-nya bertambah, kerana anak negeri dapat memegang tanggungjawab sa-chara langsung bagi mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita ini. Jikalau demikian-lah bentuk-nya bantuan itu

kita akan dapat dan jikalau demikianlah kedudukan semangat pertahanan dan bentuk pertahanan negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah lagi alasan² bagi negara² lain hendak menudoh bahawa kita maseh dudok di-bawah ketiak orang lain.

Apa-kah lagi alasan² bagi negara² lain, kechuali negara bebas, atau negara apa sahaja yang hendak mengatakan bahawa Malaysia yang merdeka, belum merdeka dalam soal ketenteraan. Apa lagi alasan, kalau seluruh tentera sudah menjadi tentera Malaysia, chuma kita menerima bantuan senjata dan wang daripada negara lain—jangan berhutang, jangan beri pinjaman sahaja; jangan Amerika ingat senang, kalau dia beri pinjaman sudah lepas tanggung-jawab, dia beri langsung, beri sa-chara langsung di-atas asas saham, atau share bersama bagi menentang kemaraan kominis dalam dunia sa-belah sini.

Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya bukan saya sahaja, bahkan Ahli² Yang Berhormat daripada pehak Kerajaan sendiri pun merindui pertahanan negara kita 100 peratus ditangan warga-negara kita sendiri. Tuan Yang di-Pertua, kalau pehak Kerajaan kita hendak mengemukakan alasan bahawa kita kekurangan wang kerana pertahanan negara itu tidak akan berbangkit lagi-lah kalau persetujuan di-dapati dengan negara² Amerika dan negara² sahabat yang lain untuk membantu senjata dan wang sa-chara langsung. Mudah²an akan mendapat perhatian daripada pehak Kerajaan dalam soal yang bagini besar.

Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa memandang kepada satu perkembangan dunia yang baharu—bukan yang baharu tetapi lama—terpaksa kita pandang ia-itu-lah soal kominis. Kita semua tahu pertentangan kita terhadap kominis, dan dunia pun tahu, kita semua telah menentang kominis bertahun², kita telah menentang keganasan kominis dan sekarang pertentangan kita terhadap kominis tetap tidak berganjak dan tidak ada tolak ansor dalam perjuangan kita menentang kominis. Dahulu kominis

mengachau negeri kita, kemudian di-tumpas oleh pasokan keselamatan kita dan mereka sekarang telah beredar ka-sempadan Malaysia di-utara dan selatan negeri Thai menyusun tenaga² baharu untuk memulakan gerakan² baharu walau pun kita merasa bahawa gerakan itu tidak akan berhasil, tetapi ini semua, saperti kata saya tadi, mesti di-kaitkan dengan pergerakan kominis di-sabelah utara. Chuma sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kita patut menjelaskan kepada ra'ayat satu definisi, bukan definisi atas perkataan tetapi definisi atas sikap apa-kah negara Malaysia ini menentang kominis hanya dari segi keganasan dan gerakan² jahat kominis sahaja atau pun menentang kominis termasuklah dari segi ideology-nya sa-kali. Ini pada fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua, kita telah berlawan dengan kominis, bukan sahaja kerana kekerasan dan keganasan-nya, kita berlawan sama dengan ideology, sebab kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ideology kominis bukan sahaja merupakan ideology politik, tetapi merupakan ideology keperchayaan—ideology yang menguasai iman. Sa-bagai sa-orang Muslim yang saya perchaya semua Muslim yang faham akan gerakan dan chita² serta dasar kominis bahawa Islam ada-lah bertentangan dengan kominis. Bahawa Islam ada-lah bermusoh dengan kominis. Tidak ada kominis dalam Islam dan tidak ada Islam dalam kominis. Bagini sa-kali ketatnya musoh antara Islam dengan kominis. Sebab itu bagi pehak saya dan pehak Parti PAS memandang bahawa pertentangan kita terhadap kominis bukan sahaja kekerasan-nya tetapi ideology-nya.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, sangatlah saya kesalkan jika benar bagaimana berita yang tersiar baharu² ini dalam akhbar bahawa Yang Teramat Mulia Perdana Menteri kita telah menyatakan bahawa kita tidak menentang kominis dari segi ideology-nya tetapi kita menentang pada segi kekerasan-nya. Saya sentiasa berharap mudah²an kenyataan ini tidak benar dan mudah²an Perdana Menteri tidak berchakup bagitu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, janganlah pula kalau benar-lah kenyataan Perdana Menteri itu kita hendak menjadikan Tanah Melayu kita ini sebagai Great Britain atau British yang menghalalkan gerakan komunis. Agak berlainan antara kita dengan dia. Kita melawan komunis dari kulit sampai ka-isi, dari daging sampai kepada darah dan dari jasad sampai kepada rohani.

Tuan Yang di-Pertua, Persidangan negara² Afro-Asia akan di-langsungkan dalam bulan Mach, 1965 dan tempat-nya mungkin di-Algeria. Timbalan Perdana Menteri kita baharu² ini telah pun mendapat kesempatan melawat Algeria dalam miana beliau telah mendapat sambutan hangat daripada President Ahmed Ben Bella. Ini ada-lah tanda² baik untuk Malaysia bersairing dalam kumpulan negara² Afrika-Asia itu sendiri. Persidangan akan berlangsung tidak lama lagi dan Malaysia telah menyatakan niat dan kehendak-nya untuk menyertai sama dalam persidangan itu.

Soal-nya apa-kah perkara² yang patut menjadi asas perundingan dalam Afro-Asia itu. Yang pertama janganlah kita ambil pusing tentang soal khabar angin yang bertiup bahawa mungkin Malaysia akan di-jadikan Thombe yang kedua dalam Persidangan Afro-Asia yang akan datang itu. Biar-lah kita hendak menjadi Thombe yang kedua atau yang ketiga, tetapi pokok-nya sekarang ini niat dan kehendak kita untuk menyertai Persidangan Afro-Asia atau Afrika-Asia itu mesti-lah di-teruskan dengan sa-jujur²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita mengingatkan soal ini kita terkenang balek kepada beberapa tahun yang silam bagaimana kechuaian negara kita sendiri di-dalam mendekati negara² Afrika dan Afro-Asia itu sa-olah²-nya kita memandang bahawa negara² itu tidak mempunyai daya penarik dalam soal perhubungan politik dan diplomatik, sa-hingga baharu apakala berbangkit soal konfrantasi dan sa-bagai-nya baharu-lah kita merasa bahawa peranan negara² Afrika-Asia, terutama negara²

di-Timor Tengah ada-lah merupakan peranan yang terpenting dalam perkembangan satu golongan yang tertentu yang di-namakan Afrika dan Asia. Dahulu kita telah meminta supaya perhubungan diplomatik antara negara kita ini sa-belum lagi bernama Malaysia, ia maseh bernama Persekutuan Tanah Melayu, telah pun kita meminta supaya perhubungan itu dapat di-laksanakan dan di-lakukan dengan sa-baik²-nya, akan tetapi entah kerana apa-kah sebab-nya, hanya-lah baharu dua perhubungan diplomatik di-adakan, yang pertama Republic Arab Bersatu dan yang kedua-nya dengan negara Saudi Arabia. Kita bergembira benar, Tuan Yang di-Pertua, bila kita mendapat khabar baik hasil daripada lawatan Timbalan Perdana Menteri bahawa perhubungan diplomatik akan di-lakukan dengan segera antara Malaysia dan Algeria.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, soal pokok yang mesti di-kaji atau mesti di-kemukakan oleh negara Malaysia ia-lah soal konfrantasi ini sendiri, ini-lah soal yang besar dan memang kena pada tempat-nya kalau Malaysia menyertai Persidangan Afrika-Asia itu, sebab di-fikirkan negara kita sedang menghadapi konfrantasi ini. Soal ini-lah yang mesti di-kemukakan. Saya perchaya Persidangan Afrika atau Afro-Asia itu akan dapat memberi champor tangan, bukan champor tangan sa-chara langsung, tetapi memberi jasa baik—memberi jasa baik mereka dalam mendamaikan atau menyelesaikan pertikaian antara dua negara yang berjiran ini, sebab kita tidak mahu sa-lama²-nya hidup dalam alam konfrantasi. Kita tidak mahu sa-lama²-nya kita di-serang dan tidak pula mahu kita menyerang, sebab itu-lah negara² Afro-Asia merupakan suatu medan atau arena yang paling menasabah bagi menyelesaikan masa-alah Malaysia dan Indonesia. Kita mahu perdamaian dan perdamaian itu-lah menjadi pokok. Ini-lah. Tuan Yang di-Pertua, kalau pehak negara Malaysia ini pandai memainkan peranan politik kepada dunia Timor Tengah atau negara² di-Timor Tengah, saya perchaya bahawa soal itu akan di-bereskan dengan baik lebeh² lagi

banyak perkara² yang besangkut, termasuklah perkara soal kedudukan negara Israel sendiri, yang pehak Parti PAS telah kerap kali mengemukakan usul—usul yang pertama telah di-gugorkan dengan kalah undi.

Sebab bagi negara² di-Timor Tengah, soal negara Israel ada-lah menjadi soal pokok, soal hidup mati-nya kedudukan negara² Islam di-negara² Arab di-Timor Tengah dan itu sendiri tidak payah di-ulas panjang lebar bagaimana wujud-nya—chara wujud-nya negara Israel itu di-Rumah yang mulia ini. Sa-benar-nya di-churahkan dengan hujah² yang demikian rupa, maka perlu-lah soal pengkajian itu di-timbulkan-lah atau di-kaji kembali walau pun mungkin pehak Kerajaan mengatakan bahawa kita akui atau i'tiraf negara Israel oleh kerana negara Israel menjadi negara anggota Bangsa² Bersatu tetapi kita tidak i'tiraf Kerajaan apa sahaja-lah, itu satu soal yang maseh boleh di-minta dapat di-pertanggung-jawabkan-nya. Dan tidak-lah tugas saya minta di-pertanggung-jawabkan atau apa yang di-kehendaki di-kaji sa-mula.

labour this point further, but I wish to request the Minister of Finance to devote more concern to the abolishing of poverty and hunger in this country than aiding the smuggling in gold for dubious purposes by doubtful methods.

Mr Speaker, Sir, let us examine the premise that the Minister of Finance has taken. He says that because of the shortage of gold in this country to meet domestic demand, there is smuggling and we—he admitted openly—are unable to contain smuggling, to check smuggling, in particular of gold, consequently he is going to reduce the duty on gold from 25% to 10%. Mr Speaker, Sir, yesterday or on Wednesday he has announced this increase of tax in this country. It is from 45 per cent to 50 per cent. In Sarawak it is from 10 per cent to 50 per cent. Consequently, should in the course of the next year the Income Tax Department finds that there is tax evasion, perhaps on a large scale, will the Government on the same premise next year tell this House that it is going to reduce the income tax from 50 per cent to 25 per cent because it is no longer profitable for the big capitalists to evade income tax. On the same analogy I will be very grateful to the Honourable Minister of Finance if he will enlighten this House on this matter when his time comes to reply to this very, very important question, because the Government when it finds that it is unable to contain smuggling is reducing the tax on it. Because of the same analogy that the Government cannot fight evasion of income tax, consequently, from my point of view perhaps, it may well want to reduce income tax. That I do not know. Perhaps he may well enlighten this House on this matter.

Mr Speaker, Sir, at the beginning of my speech I stated that I would confine myself very strictly to the fiscal policy as enunciated by the Government, and so far I hope I have done so. Now, I am compelled to deviate a little from it. Before I do so, Mr Speaker, Sir, I wish to correct an error of omission on my part. This morning when I spoke of my being allowed to take the two examinations

in the national language I did not thank the Honourable Minister of Education for his good services in allowing me to take those two examinations. Now, I wish to publicly acknowledge the assistance that he has been given me and I say, “Ber-tinggi² terima kaseh”. I wish also to say, Mr Speaker, Sir, that it is not only the Minister of Education who has been helpful to me on this occasion, but also other Ministers when I have had on occasions to bring up matters affecting their Ministries. The Minister of Labour, for example, has been very helpful in going out of his way to help me. So has the Minister of Works, Posts and Telecommunications, whenever I have the occasion to ring him up, and also some officials of the Ministry of Home Affairs who have been very helpful. I have mentioned these Ministers because these are the people whom I have had the occasion to make contact, and here I wish to put on record my grateful thanks to them.

Mr Speaker, Sir, I reiterate, again, that my purpose in this House is not to oppose for opposition's sake nor to criticise just for the sake of criticism. I am prepared to acknowledge and support any good measure of the Government, and I am prepared to give credit to the Ministers where credit is due. I hope I have in a small way acknowledged the assistance that I have received from the Ministries that I have mentioned.

Mr Speaker, Sir, the other important matter that I wish to bring up today before this House is that standing in my name since July are three motions. Mr Speaker, Sir, in the October session of the Dewan Ra'ayat the P.A.P. also tabled a motion and that preceded my motion and, if I remember rightly, the whole troop of eleven Ministers from Singapore came up to this House for five days—doing nothing in Singapore—and never heard, although always hoping, their motion would be debated. Mr Speaker, Sir, if they may pardon me for telling them, they are probably new to Federation politics and they have yet a lot to learn about the mechanics of the

Dewan Ra'ayat. Probably they did not take the trouble to find out that the late Dato' Onn had his motion on *Tanah Melayu* aborted for more than a year before it finally came to be debated in this House. I am not sanguine enough to think that my three motions will be debated for a long time to come. Mr Speaker, Sir, if I am correct, there has been a gentleman's agreement, which I think was worked out by the late Enche' Zulkiflee in the Standing Orders Committee, that when the House meets for a period of five days or so some time must be given for discussion of matters brought up by the Opposition. Otherwise, what is the purpose of our coming here? It seems that we are coming here all the time to discuss Government business only. I agree that Government business should take precedence over Opposition matters, but do let us have a chance to discuss the matters that we bring up—otherwise our electorate will think that we are all dumb fools here and serve no useful purpose. (*Laughter*). As such, Mr Speaker, Sir, I hope this matter will be brought up to the attention of the Standing Orders Committee, so that some arrangement will be made whereby matters brought up by the Opposition parties will be given a chance to be debated in this House. I am giving fair warning to the Government that this is a Budget session and under the Budget session I can bring up all the three motions that I have brought up. I give fair warning to the Minister of External Affairs that I am going to propose a cut of \$1 in his salary, so that I can have my motion on foreign affairs debated. I give fair warning also to the Minister of Local Government and Housing—he is not here today—that I am going to propose a cut of \$10 in his salary, because I am not satisfied with the manner that Kuala Lumpur is being run by the *Pesuruh Jaya Ibu Kota*. Since Kuala Lumpur comes under his Ministry, or his portfolio, I have no alternative but to propose that cut. Mr Speaker, Sir, again, I say that I have no alternative but to give this warning to the Government and to take appropriate

action, because unless I do so I will have to wait till 1969 for my motions to be debated. Such is the tyranny of the massive majority of the Alliance Government on the opposite side.

Mr Speaker, Sir, in conclusion, I wish to say that I emphasised poverty because poverty was described by Plato 2,300 years ago as the parent of meanness and viciousness and he urged that society declare war on it. He said:

"It would be strange 'indeed' in a state even liberally ordered if the poverty stricken were to be utterly neglected or allowed to fall into utter destitution."

In our country, still today we have what has become fashionable to call pockets of poverty. Our society is ashamed and weakened by their existence, whether they be pockets of outright human misery, or whether they be cases where prosperity is a fragile thing because there simply are not enough jobs to go round. As such, when we realise what is being done in some countries we come to but one conclusion that this Government is fooling the people and pretending to do a great deal for them, when in reality it is only carrying out a colonial structure to exploit the resources of the people of this country.

I, therefore, urge the Government to wake up from its slumber and work honestly for the advancement of the people of this country as a whole instead of bringing in extraneous issues like racialism and narrow nationalism to confuse and divide the people so that they can rule cosily from their air-conditioned rooms in the Federal Capital and let foreign and local capitalists plunder this country. The only way for this country, we reiterate, is to follow a socialist path to build a nation truly independent based on equality and tolerance as the cornerstones of our unity and where the wealth is produced by the farmers, the fishermen and the workers will be fairly shared and used for the good of all and not for the enrichment of a few.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam usul perbelanjaan tahun

hadapan yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Baharu sa-kejap tadi saya berasa kasehan kepada Yang Berhormat yang telah berucap panjang lebar untuk memberi penerangan bagi pehak parti-nya, oleh sebab kekurangan² bilangannya dalam Dewan ini berbanding pada masa yang lampau. Tuan Yang di-Pertua, dalam perbelanjaan yang telah di-bentangkan ini kita telah di-beri tahu oleh Yang Berhormat Menteri mengapa sebab²-nya yang perbelanjaan meningkat pada tahun hadapan. Jadi dalam usaha Yang Berhormat Menteri ini, ia-lah satu usaha yang betul², saya pandang, usaha yang tidak mendapat terima kaseh. Sebab usaha-nya mahu mengadakan kewangan dan dalam usaha itu menyebabkan mengadakan berbagai² chara mendapatkan wang. Jadi pada satu masa, kita sangat suka membanyakkan wang kerana perkhidmatan² yang akan di-adakan itu, sa-balek-nya ada orang ramai terutama sa-kali pehak Ahli Yang Berhormat yang baharu berchakap tadi, atas chara² mendapatkan wang beliau tidak puas hati. Jadi di-dalam hal ini-lah saya rasa satu tugas yang betul² pahit—yang susah, yang di-jalankan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Sungguh pun begitu dalam chara mendapatkan wang yang saya pandang, ada beberapa banyak chara, satu chara-nya ia-lah menaikkan chukai. Dalam menaikkan chukai itu, saya rasa itu-lah satu chara semenjak berapa tahun yang telah lampau. Dengan chukai², semua sa-kali ra'ayat negeri ini mengambil bahagian dan memikul. Pada masa yang lampau saya telah menyuarakan juga betapa tidak puas hati saya terhadap chukai² pada mereka yang mampu membayar. Terutama sa-kali kepada mereka² menggunakan negeri kita tempat mendapat laba dan mereka² ini bukan daripada ra'ayat Malaysia ini. Chara yang di-bentangkan oleh Menteri tadi, sungguh memuaskan hati dan langkah itu langkah yang sangat baik. Langkah itu akan memberi tanggung-jawab yang besar kepada mereka², terutama sa-kali kepada kita. Pada masa sekarang kita sedang menghadapi anchaman² dan pencherobohan² daripada luar, ter-

hadap negeri kita, menyebabkan sekarang lebeh kurang satu million satu hari di-belanjakan. Jadi sa-telah Yang Berhormat itu mengumumkan kenaikan chukai² daripada chukai modal, chukai keuntongan dan sa-bagai-nya, saya perhatikan soal² ini-lah yang lantang di-suarakan oleh surat-khabar atas kemushkilan daripada pehak² yang tertentu terhadap kenaikan chukai² ini. Jadi rasa saya begitu juga kita ra'ayat Persekutuan patut memberi amaran kepada mereka² yang mendapat untong yang banyak, supaya patoh kepada segala kehendak pemimpin² ra'ayat negeri ini, ia-itu meminta memberi keuntongan yang lebeh banyak itu kepada negara kita. Mereka² yang bukan ra'ayat Persekutuan tidak memahami atau tidak mahu memahami chara mengambil sa-bahagian keuntongan-nya, kerana pertahanan negara kita. Jadi itu-lah rasa saya, yang saya katakan tadi, banyak yang ta' puas hati dari sa-bilangan besar ra'ayat Malaysia terhadap chukai dari keuntongan yang di-dapati daripada orang² yang bukan ra'ayat Persekutuan dan juga Sharikat² yang di-punyai oleh pemodal² dari luar negeri.

Chara yang kedua ia-lah menaikkan chukai besar, terhadap segala barang² yang tidak perlu pada negeri ini yang mana pada masa 3-4 tahun dahulu kita, dalam Dewan ini, telah menyuarakan bukan sahaja perlu di-sekat kemasokan barang² yang ta' perlu sa-bagaimana yang telah di-jalankan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi menaikkan chukai² sa-umpama buah apple dan buah²an yang tidak mustahak. Dengan sebab tersekat buah²an yang tidak mustahak dan menggunakan buah²an yang boleh kita dapat di-negeri ini, maka itu-lah chara memajukan lagi perusahaan buah²an dan barang² yang dapat kita adakan dalam negeri kita ini. Umpamanya lagi, kita ada, dalam negeri kita, banyak barang yang boleh di-adakan di-negeri ini yang tidak payah kita bawa dari luar negeri. Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, jagong. Pada tahun 1963 sahaja kita telah membawa ka-dalam negeri ini 14 million ringgit. Pada hal jagong boleh di-tanam dalam negeri ini, dan boleh di-keluarkan

dalam negeri ini. Jadi rasa saya chukai ka-atas barang² ini pun patut di-naikkan lebih tinggi supaya, tidak di-galakkan lagi barang ini masuk ka-dalam negeri kita, kerana ra'ayat negeri ini boleh memajukan-nya. Lagi satu chara ia-itu mengenakan chukai pengangkutan. Ini pun saya pandang boleh di-katakan memuaskan hati kerana bagi pehak orang² yang rendah pendapatan-nya tidak di-kenakan, tetapi mereka² yang mendapat pendapatan yang lebih di-kenakan chukai, sangat sesuai.

Saya suka hendak menyuarakan sedikit fasal chukai pendapatan itu. Bagi pehak orang yang di-kenakan chukai pendapatan, anak²-nya yang hanya chuma sampai 5 orang sahaja di-bebaskan. Saya banyak benar-lah menerima rayuan² untuk di-sampaikan kepada Menteri, supaya dapat ditambah lagi chukai² tidak di-kenakan kepada anak² sampai kepada 8 orang. Tetapi nampak-nya rayuan² itu yang di-buat pada tiap² Meshuarat Belanjawan belum lagi dapat perhatian, atau pun termasuk ka-dalam hati Yang Berhormat Menteri.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, sa-telah saya mencheritakan chara² mendapat wang, begitu juga, ia-itu segala perbelanjaan yang di-anggarkan pada tahun hadapan ini dapat di-belanjakan dengan jimat-chermat, saya perchaya dengan chara² ini dapat di-kurangkan lagi perbelanjaan² yang telah di-anggarkan itu. Bagaimana ucapan Yang Berhormat tadi, kepada satu para, yang mengatakan, anggaran membuat Sekolah Anika Jurusan di-anggarkan lebih kurang 270 million dapat di-kurangkan sampai 90 million akibat daripada penyelidekan yang boleh menguntungkan atau menurunkan perbelanjaan itu. Rasa saya usaha yang sa-macam ini satu usaha yang sangat besar, yang patut mendapat perhatian yang berat. Jadi, pada masa yang lampau, sa-bagaimana yang telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, berkenaan dengan bangunan², sunggoh pun kita berkehendakkan bangunan yang chantek, tetapi kita mesti sesuaikan keadaan negara kita pada masa ini. Pada masa yang lampau—boleh, saya bersetuju, kita

mengadakan bangunan² yang endah yang berharga tinggi, dan menggunakan barang² itu bukan daripada barang² yang di-keluarkan oleh negeri ini, pada masa dahulu lojik-lah, kerana apa, kalau kita ada duit, kita belanja-lah, tetapi rasa saya, pada masa ka-hadapan, bangunan² yang besar dan mahal ini tidak lagi mustahak, kerana kita boleh menggunakan bahan² yang ada dalam negeri kita, ia-itu kita kaya dengan kayu-kayan, yang boleh kita buat rumah² dengan menggunakan kayu-kayan kita. Dan begitu juga saterus-nya perbelanjaan² yang lain, umpama-nya berjimat² supaya kerja² di-tiap² pejabat itu di-jalankan untuk mendapatkan nilai sa-bagaimana wang—wang yang telah di-beri-nya. Saya ma'anakan, kalau kita beri wang \$100 kita mahu kerja itu di-buat berharga \$100 juga. Jadi, ini-lah yang saya katakan jimat-chermat. Jadi, dengan ada-nya wang yang banyak di-untukkan ini, saya berharap kita tidak lagi melihat pegawai² Kerajaan yang banyak berada di-dalam kantin² pada masa bekerja. Begitu juga kita tidak mahu melihat lagi pegawai² Kerajaan yang menjalankan tugas² ini, sa-masa bekerja, membacha surat khabar. Ini satu perkara yang menghabiskan masa dan merugikan wang kita.

Jadi, ini-lah rasa saya perkara yang mustahak sa-lain daripada kita menchari wang, kita hendak-lah berchermat. Kalau sa-kira-nya pejabat² itu di-fikirkan ta' ada kerja, patut-lah kita mengurangkan pegawai di-situ. Ini saya berchakap atas pengalaman saya sendiri yang banyak kali saya mendapati hal itu. Begitu juga layanan² pegawai² Kerajaan terhadap orang ramai, tetapi ini tidak-lah sa-ratus peratus; ada pejabat yang bertungkus-lumus, tetapi ada pejabat yang tidak. Maka ini saya katakan tadi, patut-lah Kerajaan mengurangkan perbelanjaan yang mendapati tidak mustahak.

Sa-lain daripada itu, chara² kita menjalankan kerja² bagi membuat bangunan² dan sa-bagai-nya, kita boleh berchermat supaya architect itu sesuaikan dan betul kerja²-nya. Kita tengok sahaja bangunan² yang di-buat pada masa ini, ta' sampai sa-tahun—saya tunjukkan dalam Dewan ini, ini pun

kita tengok di-sabelah sana—ini akibatnya yang saya perchaya akibat architect² yang tidak sesuai, yang tidak bertanggung-jawab yang menyebabkan kita berbelanja lebeh banyak.

Sa-lain daripada itu juga kita patut berchermat dalam lain² hal, saperti banyak pejabat² yang dahulu-nya diketuai oleh Expatriate Officers dan sekarang pegawai² dari anak negeri telah di-naikkan pangkat ka-tempat² itu. Banyak yang berasa kalau tidak dapat air-condition, mereka² ini ta' boleh bekerja; kalau ta' dapat Setia-usaha Wanita, ta' dapat menjalankan kerja-nya. Maka ini-lah rasa saya perkara² yang patut di-pandang berat.

Di-Dewan kita ini, kalau pada masa tidak ada Dewan ini bersidang, air-condition itu berjalan. Ini rasa saya membazir. Jadi, bukan-lah salah daripada kita dahulu, kerana kita ma'alum-lah kita, mengharapkan kepada pegawai² expatriate ini, akibat daripada itu, kita tengok Dewan ini, air-condition-nya berjalan terus, walau pun tidak ada Parlimen bersidang. Saya selalu datang ka-mari, dan saya perchaya perbelanjaan, air-condition di-Parlimen ini bukan \$100 atau \$200. Maka ini-lah perkara²-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patut di-jimatkan dalam chara² membelanjakan wang yang di-jalankan oleh pejabat² Kerajaan ini. Jadi, dari apa Yang Berhormat Menteri membentangkan tadi, rasa saya itu-lah pandangan² yang patut, dan di-harap dapat, apa yang saya bentangkan kepada Dewan ini mendapat perhatian.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berjangkit kepada wang² yang di-beri kepada Kementerian² yang lain, yang saya akan menyentoh dasar²-nya, sebab apa, tentu-lah dalam masa kita membincangkan dalam Jawatan-kuasa besok, saya tidak membenarkan menyentoh dasar²-nya. Jadi, saya membangkitkan tentang masaalah Kementerian Buroh. Saya rasa Kementerian Buroh ini ada-lah satu Kementerian yang telah menjalankan tugas-nya sejak lepas pilehan raya ini, suatu tugas yang besar dan boleh di-katakan memuaskan hati, kerana Kementerian Buroh ini dapat menyelesaikan bebe-

rapa masaalah² buroh dalam negara kita. Dalam pada itu, saya berharap Menteri, atau pun Kementerian ini menambahkan lagi usaha² supaya merapatkan lagi antara majikan² dengan wakil² buroh melalui Trade Union. Pada masa ini, saya rasa patut-lah kita beri pujian yang besar terhadap pergerakan Trade Union dalam negeri ini, yang telah mendapat sa-fahaman dengan usaha daripada Yang Berhormat Menteri Buroh kita. Jadi, usaha yang saya minta ini, ia-itu kita mesti-lah, kalau boleh, wakil² dari buroh² mengambil bahagian yang chergas dalam segala usaha² dalam perusahaan² atau pun dalam segala segi yang lain yang berkenaan supaya mereka² ini faham, bagaimana-kah satu² perusahaan itu menjalankan untong rugi-nya dan boleh menyebabkan buroh² berpuas hati, sebab chara macham ini, yang telah saya dapat melihat sendiri, dalam sabuah negara yang saya telah melawat, di-mana negeri itu tidak ada langsung mogok, atau sa-bagai-nya, kerana majikan²-nya mengambil mereka dalam keperchayaan-nya. Saya tengok dalam perusahaan² itu buroh² datang bekerja dengan tidak payah lagi di-jaga, chuma ada perkakas dengan lengkap-nya bagi memasokkan card² dalam mesin untok menetapkan masa buroh² bekerja. Bagitu juga kerja² yang di-jalankan dalam perusahaan² itu—buroh² di-beri kerja yang khas dengan masa yang tertentu, gaji yang telah di-persetujui, dan kalau lebeh daripada itu, kalau mereka berusaha lagi, mereka akan di-beri over-time, atau pun di-bayar kerja² yang lebeh daripada mereka buat.

Dalam perusahaan itu ada dua pehak—majikan dan juga wakil buroh yang melihat perusahaan itu bagaimana di-jalankan, bagaimana untong rugi dan bagitu juga dalam perkhidmatan² buroh—perkhidmatan buroh² pun dapat di-bincangkan dengan baik antara majikan dengan mereka² ini, sa-umpama-nya di-sini kita mengadakan satu chara yang telah di-chipta oleh penjajah ia-itu Employees Provident Fund; ini baik usaha-nya, tetapi tujuan-nya itu belum lagi mendapat, bagaimana yang saya pandang, memberi kepuasan hati kapada buroh²,

kerana Provident Fund ini bertujuan ia-lah memberi pertolongan kepada buroh² yang sampai umur masa tua, sa-lain daripada itu tidak ada. Jadi sa-telah saya membacha atau melihat keadaan buroh² ini saya tidak perchaya 100 buroh yang bekerja itu 70 yang boleh sampai kepada umur yang di-tetapkan itu. Chita² kita hendak memberi pertolongan kepada mereka dengan satu tujuan, saya rasa tentu-lah ini juga tidak memuaskan hati atau pun buroh² berasa yang wang mereka di-simpan di-situ tidak dapat menolong mereka. Saya rasa apa salah-nya dalam Provident Fund itu di-masokkan tiga empat tujuan yang lain supaya menolong buroh² ini, terutama sa-kali kepada mereka mendapat kemalangan dan terlantar di-hospital dan sa-terus-nya tidak boleh bekerja. Mereka itu tidak dapat pertolongan daripada Provident Fund, sebab hendak mendapat satu certificate daripada doktor yang mengatakan buroh² ini tidak boleh bekerja langsung tidak ada satu doktor yang berani buat begitu. Jadi ini saya rasa kalau dapat di-masokkan lagi tujuan² menolong mereka yang terlantar dan menolong mereka yang dapat kemalangan dengan pertolongan yang chepat. Jadi saya rasa tujuan asas itu bertambah dan lebeh baik, sebab kalau-lah kita hendak fikirkan tujuan memberi bantuan sa-telah mereka tua dengan sa-kali gus, saya tidak perchaya juga ini memberi faedah yang besar kepada mereka, sebab di-dalam kawasan saya ada 3-4 orang yang telah menerima wang-nya hari ini, kerana wang yang di-terima itu tidak banyak, sa-saorang buroh itu menerima tidak lebeh daripada \$2,000 atau \$2,500, maka \$2,500 harga-nya pada masa ini tidak-lah bagaimana pada masa Provident Fund itu di-tubuhkan. Saya rasa perkara ini dapat di-fikirkan dan saya perchaya Menteri pun telah ada membayangkan dahulu supaya di-jadikan satu "fund" yang boleh memberi sara hidup seperti pension dan sa-bagai-nya, tetapi ini kita beri "option" atau memberi peluang kepada mereka, saya perchaya kebanyakan buroh² ini akan menerima dasar pension ini kerana kebaikan mereka.

Kita mahu tenaga buroh² ini, untuk meninggikan lagi ekonomi negara ini, maka kesenangan mereka pun patut-lah kita timbangkan. Kita perhatikan di-estate² tidak-lah semua saya tahu banyak juga estate ini membaiki kedudukan buroh² mereka memberi rumah yang baik dan sa-bagai-nya, tetapi maseh banyak lagi yang tidak memberi layanan yang baik. Begitu juga saya harap kepada Kerajaan ia-itu banyak rumah² buroh yang tidak sesuai lagi pada masa ini mengikut zaman sung-goh pun ada usaha yang telah di-jalankan tetapi tidak sa-berapa chepat. Kita mahu tenaga daripada buroh ini, kerana dengan tenaga mereka kita boleh meninggikan lagi ekonomi kita, dan kita hendak-lah memberi kesenangan kepada mereka yang memberi keuntungan kepada negara kita. Jadi, dalam Kementerian ini saya berharap tiga empat perkara yang telah saya bayangkan tadi, supaya Yang Berhormat Menteri, kalau-lah tidak dapat di-laksanakan pada masa ini, jalankan-lah dengan beransor² supaya buroh² yang ramai menjadikan mereka tenteram dan negara kita pun tenteram. Begitu juga dalam Kementerian ini saya hendak memberi ucapan terima kaseh yang banyak kerana telah mengadakan Pejabat² Pekerja boleh di-katakan di-semua daerah di-negeri Pahang. Sa-siapa yang suka hendak mendapat kerja melalui pejabat ini boleh menggunakan pejabat² ini. Usaha² pegawai yang berkenaan saya ucapkan terima kaseh dan juga usaha² yang telah di-jalankan oleh Yang Berhormat Menteri Buroh kita.

Sa-perkara lagi pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, "workmen's compensation" chuma di-hadkan kepada buroh² Kerajaan yang bekerja kasar sahaja. Jadi saya rasa ada elok-nya juga pekerja² daripada kerani² juga di-masokkan dalam perkhidmatan ini, sebab saya anggap ini akan memberi lagi faedah yang baik kepada pekerja² kita untuk mengendalikan negara kita.

Jadi lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, kita di-negeri ini, saya tahu, usaha itu akan di-jalankan, ia-itu satu usaha yang sangat baik supaya buroh² kita atau pun mereka yang hendak menjadi

buroh, di-beri peluang mendapat latihan dalam segala segi perusahaan kita, supaya mereka menjadi "skill labour" kerana sa-telah mereka dapat latihan sa-macam ini, mereka boleh menjalankan kerja mereka dalam apa² perusahaan pun, dan ini, satu chara yang akan memberi faedah yang besar kepada negara kita. Pada masa ini saya nampak giat usaha ini ada di-jalankan. Jadi, saya harap dapat Kementerian Buroh juga mengadakan tempat² latihan supaya dapat tiap² buroh atau mereka yang hendak masuk menjadi buroh dapat latihan dan menjadi "skill labour".

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, buroh² yang bekerja di-dalam kedai perniagaan. Jadi, ini saya rasa satu chara yang saya nampak belum lagi dapat semua-nya, sebab buroh² yang bekerja dalam sharikat² yang besar saperti Robinson's dan sa-bagai-nya saya nampak ada-lah satu peratoran ia-itu masa kedai di-buka ada di-tetapkan, tetapi pada kedai² yang lain buroh² ini terpaksa bekerja daripada pagi sampai petang hingga sampai tengah malam. Jadi, ini saya rasa patut kita adakan satu undang² ia-itu kedai itu mengadakan masa yang tetap supaya tidak buroh² ini bekerja lebeh daripada yang di-tetapkan, ia-itu 8 jam sa-hari, kechuali perniagaan yang patut di-buka 24 jam, maka buroh ini terpaksa-lah di-gilirkan, tetapi jangan-lah di-lebuhkan masa mereka daripada 8 jam. Jadi, ini-lah saya rasa tiga empat perkara yang saya bentangkan untuk perhatian Kementerian Buroh supaya dapat pertimbangan, sebab ini memberi faedah yang besar kepada negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berchakap berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri. Peruntokan-nya ada bertambah, tetapi tambahan ini saya rasa ta' sesuai bahkan saya rasa patut di-lebuhkan lagi. Tuan Yang di-Pertua, keadaan negara kita pada masa ini bukan sahaja untuk mempertahankan daripada pencherobohan, tetapi juga supaya negara kita dapat sokongan moral daripada negara² luar daripada negara kita. Dalam keadaan dunia pada masa ini perkara ini-lah yang besar

ma'ana-nya. Jadi, dalam usaha ini saya rasa patut kita menguchapkan terima kaseh, dan Dewan ini juga atas usaha² yang telah di-jalankan oleh Yang Teramat Mulia Perdana Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah dapat menjalankan tugas-nya dan memberi hasil yang sangat² memuaskan hati. Dengan sebab usaha-nya itu Yang Teramat Mulia Perdana Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menjelajah ka-negeri² luar. Dengan ini kita telah nampak ia-itu konferantasi yang di-hadapkan oleh Indonesia kepada kita sekarang boleh-lah di-katakan sudah sampai tingkat-nya yang mereka tidak dapat menjalankan lagi.

Usaha musoh² kita untuk mempe-ngarohi bangsa² luar daripada bangsa kita, terutama Indonesia yang meng-harapkan mendapat sokongan yang berat daripada negara² Afro-Asia menudoh orang negara kita satu negara yang tidak merdeka satu negara yang di-katakan neo-colonial. Maka kita perhatikan, hasil yang baik terchapai daripada usaha² Yang Teramat Mulia Tunku dan Timbalan Perdana Menteri, yang mana negara² yang dahulu-nya tidak tahu hal negara kita sekarang terang² telah mengi'tiraf kemerdekaan dan kedaulatan negara kita. Jadi saya rasa jabatan ini satu jabatan yang penting, bagi menyelenggarakan hal negara kita pada masa hadapan. Kita telah dengar dan kita telah menghantar rombongan yang bagitu kuat pada 1 haribulan December ini pergi ka-Majlis Meshuarat Bangsa² Bersatu, dan saya perchaya Kementerian ini dapat mengatasi segala tudohan² palsu yang telah di-jalankan oleh Indonesia. Jadi usaha kita ini sangat baik, tetapi telah terlambat sadikit, tetapi buat kata orang, biar lambat asalkan ada. Jadi dalam perbelanjaan ini saya nampak kurang sadikit, dan patut-lah mendapat perhatian daripada Kementerian supaya di-tambahkan lagi.

Bagitu juga, kita telah menghadhiri meshuarat persidangan Commonwealth Parliamentary Association di-Jamaica itu di-mana wakil² kita telah memberi penerangan² dan mendapat sanjongan tinggi pula dari semua sa-kali negara²

Commonwealth yang hadir termasuk negara² dalam Africa. Mereka sekarang mengetahui dengan jelas dan terang keadaan negara kita. Dan di-sini saya membaca dalam surat khabar, ia-itu, dalam meshuarat itu, wakil² daripada negara kita telah memberikan penerangan yang penoh dan mendapat sambutan baik dari semua negara² terutama sa-kali negara² Commonwealth dalam Africa dan Asia ini.

Saya berjangkit pula, Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Pelajaran chuma sedikit sahaja. Saya sa-kali lagi menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh atas chara hendak di-jalankan pelajaran pada anak² kita pada tahun hadapan—chara Sekolah Aneka Jurusan ini. Jadi, di-sini saya perchaya Kementerian ini tentu-lah ada dalam peringatan-nya berbagai² chara bagaimana dapat di-buat atau di-lancarkan supaya dasar pelajaran ini berjalan dengan elok dan baik. Saya harap dapat perhatian berat terutama sa-kali soal² bagaimana anak² kita ini di-salurkan kepada Sekolah Aneka Jurusan dan siapa akan menentukan, ini-lah satu soalan-nya yang besar. Tuan Yang di-Pertua, siapa yang akan menentukan anak² kita masuk ka-saloran mana, sebab kita akan menerima rintangan. Satu daripada rintangan ia-lah terhadap anak² Melayu. Ini memang sudah menjadi satu kela-ziman daripada siapa² pun, menganak tirikan orang² lain daripada gulungan mereka, akan bangkit. Jadi ini, saya rasa, kalau-lah kaedah ini tidak dapat di-selesaikan, akibat-nya akan merugikan anak² yang betul² chenderong ka-satu² jurusan. Jadi sebab saya berkata begitu, kerana telah banyak kejadian² yang ta' di-ingini di-alami oleh kita. Kalau anak² itu chenderong kepada ekonomik, yang boleh menentukan kanak² masuk ka-dalam jurusan. Ini ia-lah pegawai, meletakkan mereka masuk dalam jurusan teknikal jika tidak mengakibatkan terlantar murid² itu. Jadi ini-lah saya katakan, saya minta di-beri perhatian yang berat oleh Kementerian bila melaksanakan ini, kalau ada pegawai² yang tidak menjalankan tugas-nya jangan lagi lambat mengambil tindakan² terhadap mereka² itu, ia-itu di-singkirkan mereka daripada jawatan mereka.

Pada masa yang lampau, Tuan Yang di-Pertua, di-Dewan ini dan juga pada masa ini, ada anasir² atau pun sekolah² yang tidak suka kepada bangsa Melayu. Kalau kita baca surat² khabar, dua minggu dahulu, di-mana anak Melayu tidak di-benarkan mengambil bahagian chergas dalam pelajaran sains ia-itu murid² daripada Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan. Ini akan timbul, Tuan Yang di-Pertua, besok dalam kita menentukan anak² kita masuk ka-jurusan² pelajaran. Inilah yang saya fikir patut saya lafadzkan pada hari ini, kerana ada bukti²-nya telah saya baca dalam surat² khabar yang terjadi di-Pulau Pinang dan mungkin di-sekolah² lain juga. Jadi saya rasa daripada pengalaman ini, dan juga pengalaman bagaimana kita memberi scholarship dan sa-bagai-nya, ada di-anak tirikan—ada pileh kaseh dan sa-bagai-nya, ini juga akan timbul besok dalam Sekolah Aneka Jurusan. Jadi saya membayangkan ini supaya sa-belum dasar pelajaran ini di-jalankan, dan sa-belum perkara yang tidak di-ingini timbul, menchari satu elah—satu chara supaya tidak timbul perkara yang saya sebutkan tadi.

Dalam perkara Sekolah Aneka Jurusan ini saya sa-kali lagi-lah menguchapkan terima kaseh banyak kepada Menteri Pelajaran yang telah mengadakan bangunan sekolah² dalam negeri saya yang sekarang sedang di-bangunkan. saya berharap boleh siap sa-belum di-buka sekolah pada tahun hadapan. Dan saya perchaya Kementerian ini telah bersedia untuk menghantar guru² yang akan masuk untuk mengajar. Dan sudah sedia, bagaimana meletakkan anak² yang sekarang akan masuk Form I ka-jurusan apa yang patut mereka di-beri. Ini-lah satu perchubuan tetapi perhatian berat patut-lah diambil terhadap langkah² pegawai atau orang yang akan menghalangkan dasar² yang akan di-jalankan itu.

Sekarang saya berjangkit kepada usaha mengembangkan bahasa kebangsaan. Usaha Kerajaan saya puji, dan sunggoh pun kita tidak lagi dapat 100% bagaimana yang patut kita kehendaki atau pun kita idami. Malang-nya saya berasa dukachita mendengar pagi tadi, kechaman² yang

jenis daripada mereka² yang anti-bahasa kebangsaan. Jadi itu-lah, diharapkan perhatian yang berat di-ambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang menentang usaha memajukan bahasa kebangsaan ini. Saya puji kebanyakan ra'ayat Malaysia yang berketurunan lain daripada orang Melayu, sangat berusaha² memajukan bahasa kebangsaan. Tetapi yang saya mshkilkan, Tuan Yang di-Pertua, daripada orang² Melayu sendiri. Ini-lah kalau sa-kiranya kita orang Melayu tidak hendak menggunakan bahasa kebangsaan bagaimana kita mengharap orang² yang bukan keturunan daripada Melayu hendak menggunakan bahasa kebangsaan?

Ada sa-paroh-nya, Tuan Yang di-Pertua, kerana terlampau ka-Inggerisan dia menggunakan bahasa Melayu itu ka-Inggeris. Umpama-nya bekalan kata-nya "bekelan" lampu kata-nya "lempu" ini-lah benda yang saya harap, terutama sa-kali mereka² daripada bangsa Melayu berjawatan tinggi, dapat memahami hasrat Kerajaan Perikatan, hendak menjadikan bahasa kebangsaan bahasa yang tunggal dalam tahun 1967. Jangan-lah kita menjadi ketam yang hendak mengajar anak-nya berjalan betul, kalau kita sendiri tidak tahu buat. Jadi itu-lah yang saya harap supaya usul² Kerajaan di-terima oleh pegawai² tinggi bagaimana hendak mengiratkan, bagaimana bahasa kebangsaan dapat di-jalankan dengan elok. Ini ada-lah pengalaman yang saya terima, bukan-lah satu cerita dongeng yang saya berchakap dalam Dewan ini, tidak sa-kali².

Pagi tadi kita mendengar wakil daripada Tanjong yang chuba hendak mengelirukan kita, yang mengatakan belum lagi sampai masa-nya ra'ayat negeri ini menggunakan 100% bahasa kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, saya berfikir usaha Kerajaan supaya bahasa kebangsaan di-jadikan bahasa yang tunggal dalam negara ini sudah menjadikan kenyataan yang penoh. Kapada mereka² yang sayangkan negara ini, ia-itu ketetapan 10 tahun menjadikan bahasa kebangsaan itu bahasa yang tunggal di-dalam negeri ini ia-lah ketetapan yang lojik. Bagi

anak mereka yang belajar dalam sekolah yang telah betul berusaha menggunakan bahasa kebangsaan dalam masa 10 tahun itu maka ia telah dewasa dalam bahasa kebangsaan. Jadi tidak ada lagi sebab mengapa ada ragu² lagi kapada mereka² yang betul² chintakan kapada negara ini merasmikan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa yang tunggal pada tahun 1967. Kita bukan menghalang, bahkan kita memberi peluang dan memberikan wang yang banyak, kapada sekolah² yang bukan bahasa kebangsaan, untuk menggallakan bangsa² asing, Inggeris, China dan Tamil mempelajari bahasa-nya dengan elok. Kita tidak menyekat bangsa asing. Rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang melawat banyak negara² luar daripada negeri ini di-mana tidak ada satu negara yang memberikan peluang bahasa asing sa-lain daripada bahasa negara itu sendiri. Jadi, saya harap wakil dari Tanjong boleh lihat-lah negara yang lain ada-kah peluang² itu di-beri?

Kalau pun ada peluang² di-beri, chuma sa-bahagian kechil sahaja. Saya perchaya semua kita sayang kapada Perlembagaan yang telah kita chiptakan di-mana telah kita tetapkan bahasa kebangsaan menjadi bahasa yang tunggal pada tahun 1967. Sa-lain daripada itu, dalam mengusahakan bahasa kebangsaan ini, sa-kali lagi saya minta, terutama sa-kali terhadap para² intellectual dan Ahli² yang bijak pandai, daripada keturunan Melayu, mengambil peranan yang penting, tidak-lah jadi lagi bagaimana yang saya ucapkan tadi. Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, terhadap sa-bilangan manusia yang antikan bahasa kebangsaan, yang terdiri juga daripada Pegawai² Kerajaan yang bukan Melayu yang terang² menunjukkan kebenchian-nya terhadap bahasa kebangsaan. Ada satu chontoh saya hendak cheritakan, timbul dalam masa memilih pegawai² Kerajaan yang akan memegang jawatan Kerajaan. Ada Pegawai² Kerajaan tidak mahu orang² yang lulus Sekolah Kebangsaan, kata-nya saya mahu orang yang berkelulusan Inggeris. Pada hal arahan² telah di-berikan untuk menggunakan

bahasa kebangsaan dengan sa-boleh²-nya. Ini satu helah menyingkirkan peserta² yang chuma berkelulusan Melayu. Saya tidak hendak sebutkan mana pegawai yang bersangkut-paut itu tetapi kalau berkehendakkan juga nama pegawai itu boleh juga saya beri. Rasa saya tidak elok saya menerangkan siapa, dan mana Pejabat itu. Ini satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengakibatkan Kementerian ini mendapat halangan² dari orang yang sa-macham ini.

Jadi rasa saya sa-patut-nya-lah daripada tarikh ini mereka² yang sa-macham ini tidak lagi di-beri peluang bermaharajalela. Dalam kawasan saya apabila ada kerja kosong, datang-lah peminta² itu meminta sokongan daripada saya, supaya saya menerangkan yang peminta² itu anak si-polan² dan jua keadaan kelakuan-nya, tetapi dia tidak berkelulusan Inggeris. Hasil dari pemilehan oleh Jawatan-kuasa Pemilih itu ia-lah terang² mengatakan berkehendakkan orang yang tahu berbahasa Inggeris, pada hal dalam surat² panggilan daripada Pejabat Buroh, ada menerangkan ia-itu satu kelayakan mesti-lah lulus Sekolah Kebangsaan, dan mengerti bahasa kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua, jawatan² itu bukan-lah berkehendakkan pelajaran yang tinggi. Pekerjaan itu ada-lah pekerjaan yang biasa di-buat sa-hari². Kita tahu Tanah Melayu ini menggunakan bahasa kebangsaan, itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-bilangan penghalang² kapada usaha² kita hendak menjalankan atau hendak menjadikan bahasa kebangsaan bahasa yang tunggal di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berjangkit kapada Kementerian Kesihatan. Kita telah mendengar kechaman² yang telah di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu, yang juga sa-orang daripada sa-bilangan daripada Ahli yang pakar dalam perubatan mengatakan kekurangan ubat dan sa-bagai-nya. Ini pada anggapan saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah hasil daripada rungutan daripada orang yang tidak mengetahui akan keadaan yang sa-benar di-dalam perubatan, sebab selalu

saya dengar, orang ramai tidak puas hati, kerana tidak di-beri satu ubat yang mustahak kata-nya, yang boleh mengubati penyakit-nya. Pada pendapat ahli², atau doktor² dalam mana² hospital dengan segala penyelidekan-nya terhadap satu² penyakit, maka ubat yang tertentu di-berikan, tetapi layanan ini tidak mendapat kepuasan hati daripada mereka² yang mendapat rawatan, kerana dia telah menjadi doktor. Dia mahu ubat² injection penicilin dan mahu auriomycin, pada hal penyakit² itu boleh di-ubat sa-bagaimana yang telah di-pereksa dan telah di-tetapkan oleh doktor itu dengan ubat yang ada dalam hospital itu, yang boleh membaiki yang tidak mustahak kapada lain² ubat. Tetapi kerana jahil-nya dan kerana propaganda ubat² yang di-terima oleh orang² yang mendapat rawatan ini daripada surat² khabar, dan kenalan²-nya, merasa yang ubat di-berikan oleh tuan doktor dalam hospital itu tidak boleh mengubati penyakit-nya. Ini-lah yang timbul yang mengatakan ubat itu tidak cukup. Saya berpeluang bekerja lama dalam hospital—dalam perubatan, saya suka memberitahu bagaimana perasaan² dari orang² yang tidak mengerti terdiri orang² luar terhadap perubatan, yang sa-paroh-nya pergi ka-hospital, dia mahu chuchok—itu sahaja. Dia tidak menimbangkan bagaimana penyakit itu di-ubati setelah di-pereksa oleh doktor². Ini, rasa saya, tuduhan yang sa-macham ini tidak-lah dapat kita layan, dan saya tahu perkhidmatan² yang telah dijalankan oleh pegawai Perubatan ini dalam segi perubatan, rasa saya sangat memuaskan hati, sunggoh pun bagitu, barangkali ada rungutan² yang lain terhadap pegawai² itu tidak-lah menjadi runsing, kerana sifat kita sa-bagai manusia ini tentu-lah ada yang lemah, ada yang tidak sa-ratus peratus baik.

Dalam usaha ini, satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pandangan yang berat ia-itu pegawai² yang bekerja, biar-lah mereka bekerja bersunggoh² biar-lah mereka berasa yang mereka mahu bekerja dan tidak jemu dalam tempat² itu. Kita tahu, bagi negeri saya, sa-buah negeri yang jauh daripada Kuala Lumpur—ada

pegawai² yang memikirkan—kalau di-hantar ka-Pahang untuk bekerja, mereka berasa sa-olah² di-hantar ka-dalam satu tempat buangan. Ini-lah perasaan yang ada pada tiap² doktor, atau pun specialist. Jadi, pada masa yang lampau, saya telah menges-shorkan supaya tiap² doktor, specialist² di-hantar ka-tempat yang jauh dengan giliran², dan dalam masa yang tertentu supaya tidak menjemukan mereka dan hilang-lah perasaan mem-berontak oleh sebab mereka itu terpaksa meninggalkan bandar² besar. Yang menghairankan saya ada doktor² yang telah bertahun² bekerja di-Kuala Lumpur ini yang tidak pernah beraleh. Ini-lah perasaan yang menyebabkan kadang² doktor² berkhidmat di-luar bandar itu boleh ada perasaan marah, atau memberi layanan² yang tidak di-gilini.

Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, menghantar bidan², atau pun pegawai² ka-hulu² sungai—macam negeri Pahang ini, ada tempat macham Ulu Tembeling yang terpaksa berjalan dengan perahu lebeh kurang memakan masa satu hari satu malam. Jadi, pegawai² yang sa-macam ini patut di-gilirkan, di-tetapkan yang mereka ini mesti berkhidmat sa-lama sa-tahun, dan kemudian itu di-gilirkan ka-tempat lain, dan saya perchaya dengan jalan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak lagi timbul layanan², atau pun rungutan² yang mengatakan itu dan ini terhadap mereka² ini. Dan ini akan memberi kebaikan kepada perkhidmatan kita dan juga dengan selalu-nya mereka² di-tukarkan, tidak-lah boleh menjadikan pegawai² ini jemu berada di-satu² tempat itu. Macham yang saya cheritakan tadi, satu tempat yang bernama Kampong Bantal, Ulu Tembeling sana tempat yang tidak ada benda² boleh menyukakan mereka² itu, kalau kita simpan dia tiga atau empat tahun, boleh jadi mereka bosan dan tidak menjalankan kerja, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka² ini telah kita tukar²kan atau kita gilir²kan satu² tempat dalam masa² yang tertentu dan maseh di-dapati tidak menjalankan kerja mereka, saya minta, Tuan Yang di-Pertua, dengan tegas, di-ambil tindakan yang keras dan di-

singkirkan mereka² ini daripada jawatan-nya supaya menjadi tauladan kepada pegawai² lain.

Pada masa yang lampau, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya ada pegawai² yang sa-macam ini yang terang² menjalankan tugas-nya bertentangan dengan tugas rasmi-nya apa-kah tindakan telah di-ambil? Ah! chuma tukar dia ka-tempat lain. Ini tidak boleh membaiki dan tidak menjadi tauladan kepada pegawai² lain. Ini rasa saya satu perkara yang besar. Kalau pegawai² ini telah kita berikan segala perkhidmatan, kesenangan, tetapi maseh menjalankan kerja²-nya yang bertentangan dengan kehendak kita—tindakan yang tegas hendak-lah di-ambil, singkirkan mereka, buangkan mereka daripada jawatan²-nya supaya menjadi chontoh kepada pegawai² yang lain.

Jadi, rasa saya dalam perkhidmatan ini, kerana Perkhidmatan Perubatan-lah, Tuan Yang di-Pertua, satu perkhidmatan yang mesti, yang tidak boleh tidak pada satu² negara. Jadi, ini-lah yang rasa saya perkara yang saya bayangkan pada Kementerian ini supaya dapat di-pertimbangkan, sunggoh pun rasa saya Kementerian Kewangan akan bergaduh—oh! banyak kali tukar banyak belanja, tetapi rasa saya belanja yang di-gunakan untuk pertukaran pegawai² akan memberi faedah yang besar kepada kita, akan memberi layanan yang baik oleh perkhidmatan ini terhadap ra'ayat negara kita.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya masok kepada Kementerian Perdagangan. Pagi tadi kita ada mendengar ucapan daripada sa-orang wakil ia-itu wakil dari Parti Islam sa-Tanah Melayu yang mengatakan yang Kementerian Perdagangan ini, tidak berusaha sunggoh dan usaha²-nya tidak ada memberi faedah langsung terhadap orang² Melayu, bagi mengambil bahagian yang chergas dalam lapangan perdagangan dan sa-bagai-nya. Dan jua jabatan², yang telah di-adakan itu tidak memberi faedah. Jadi, saya tidak hendak berchakap bagi kawasan lain, tetapi bagi negeri Pahang, saya sa-bagai mewakili

sa-bahagian besar perniaga² Melayu berasa puas hati, atas usaha² yang telah di-jalankan oleh bahagian dalam Jabatan Setia-usaha Negeri Pahang ia-itu bahagian orang Melayu mengambil bahagian chergas dalam perniagaan. Usaha² ini sangat memberi faedah, satu daripada usaha-nya yang saya suka menerangkan ia-itu usaha Kerajaan ini mendapatkan perusahaan² besar menguntokkan saham²-nya kepada perniaga² orang Melayu.

Sungguh pun kechaman yang kita terima mengatakan ini ekonomi "kachang goreng" dan sa-bagai-nya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, usaha dalam perdagangan ini bukan-lah macham kita masak nasi, dalam tempoh 15 minit kita boleh makan, usaha ini mahu kepada pengalaman, usaha ini mahu kepada modal dan usaha ini mahu kepada kemahuan yang kuat dari tiap² orang yang menjalankan tugas. Saya tahu panggilan saham daripada berpuluh kampeni² yang ada di-Kuala Lumpur telah di-edarkan oleh Setia-usaha Kerajaan Negeri Pahang kepada konterektor Melayu, kepada perniaga² Melayu supaya membeli-nya, jadi saya rasa ini-lah satu usaha yang besar. Sungguh pun usaha²-nya tidak-lah meliputi keselurohan apa yang di-kehendaki, tetapi langkah menapak dari tangga ka-tangga telah di-usahakan. Jadi kalau di-sifatkan itu-lah sahaja usaha Kerajaan menyuruh orang Melayu membeli share sahaja saya tidak perchaya sa-kali², dan saya tahu Kerajaan kita, banyak lagi usaha²-nya akan di-jalankan dan sedang di-jalankan. Satu usaha yang saya puji yang di-buat oleh bahagian ini ia-itu mendapatkan agency daripada sharikat² besar. Ini satu usaha yang besar, tetapi hendak lekas maju, menjalankan perniagaan maka itu terpulang kepada kemahuan orang berkehendakkan, terutama ia-lah kepada orang Melayu. Dalam perusahaan ini, usaha dari Kerajaan supaya orang Melayu yang suka dan chenderong mengambil bahagian dalam perniagaan konterek dan sa-bagai-nya, maka di-istimewakan khas bagi orang² Melayu mendapat kerja borongan yang kechil². Sekarang banyak telah berjalan dalam negeri

Pahang. Saya tidak tahu bagaimana di-negeri lain, tetapi di-Pahang tuduhan yang sa-macham itu tidak-lah betul dan benar. Saya tahu, bahagian ini, sangat memberi faedah kepada orang Melayu, tetapi bukan-lah berma'ana pertolongan itu sa-takat itu sahaja, tidak, ada lagi. Saya tahu usaha² daripada bahagian itu memanggil semua pedagang yang suka hendak mengambil bahagian dalam perniagaan dan sa-bagai-nya bermeshuarat tiap masa yang di-fikirkan mustahak. Ini satu daripada usaha-nya. Kita tidak dengar, ada chadangan² dari pihak yang mengecham dan membena chuma yang kita dengar kechaman² sahaja.

Jadi chara macham itu, bukan-lah tegoran membena, yang tidak akan memberi faedah kepada negara kita. Jadi sa-kali lagi saya ucapkan terima kasih kepada usaha Kementerian ini yang bersungguh² walau pun mendapat kechaman yang hebat daripada sabilangan yang tidak mengerti dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berkehendakkan satu perkara itu elok dan baik akan mengambil masa dan meningkat dari masa ka-masa dengan pengalaman. Kita manusia sendiri, Tuan Yang di-Pertua, untok hendak sampai ka-perengkat kesempurnaan mengambil masa dekat 50 tahun. Sungguh pun begitu, saya berharap Kementerian ini juga tidak jemu menjalankan usaha² yang ada di-bentangkan dalam dasar Kerajaan Perikatan bagaimana hendak melaksanakan, supaya orang Melayu dapat mengambil bahagian yang chergas dalam perdagangan dan sa-bagai-nya. Jadi saya rasa kesulitan² yang kita terima, dapat kita atasi, berdasarkan kesulitan² yang di-alami oleh mereka yang mengambil bahagian yang chergas dalam perdagangan ini. Umpamanya, bahagian RIDA juga ada-lah satu² usaha Kerajaan untok memberi peluang kepada orang Melayu mengambil bahagian yang chergas dalam lapangan berniaga, tetapi yang selalu kita terima dan bacha dalam surat-khabar kebanyakan orang² yang kechiwa ia-lah terdiri dari orang² hendak menyalah-gunakan perkhidmatan ini.

Satu chara-nya, Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya dia tidak biasa

bekerja atau tidak ada pengalaman dalam membuat kerja konterek, tetapi dia nampak orang lain boleh buat kerja dan mendapat keuntongan, dia pun turut masuk dan sama menjadi sa-orang pemborong tanpa pengalaman meletakkan, kata-lah, tender membuat Dewan ini harga-nya \$100,000 dia sanggup meletakkan \$80,000 tujuan-nya bila aku dapat konterek \$80,000 aku boleh pinjam daripada RIDA dengan tidak mengira bagaimana dia menjalankan kerja, dia kira apa yang dia boleh dapat. Inilah orang yang selalu membesar²kan tohmah terhadap Kerajaan. Jadi kita tidak boleh menerima bulat² segala tuduhan² yang di-lemparkan kapada Kerajaan atau pun berita² yang kita dapat daripada bualan kaki lima atau pun daripada surat-khabar.

Perkara ini bagi negeri Pahang memang terator. Kita tahu tiap² konterektor itu bagaimana pengalamannya dan mereka² sahaja yang dapat perkhidmatan² kita. Saya puji usaha² Kerajaan untuk menjaga, supaya tujuan yang di-chadangkan oleh Kerajaan berjalan dengan baik-nya. Kita tidak mahu menerima segala kechaman² yang tidak bertanggungjawab terhadap usaha Kerajaan Perikatan membolehkan orang Melayu mengambil bahagian yang chergas

dalam perusahaan dan perdagangan. Saya berasa puas hati apa yang telah di-buat, tetapi kita berharap Menteri Perdagangan sentiasa berhubung rapat dengan segala pertubohan² orang Melayu yang mengambil bahagian yang chergas dalam perdagangan. Pada satu masa Yang Berhormat Menteri Perdagangan telah mengadakan pertemuan dengan segala ketua² persatuan daripada bahagian² perdagangan, konterektor dan sa-bagai-nya, dan ini telah menghasilkan beberapa benda yang sangat baik. Jadi, usaha ini saya pandang patut di-adakan lebeh banyak lagi supaya boleh Menteri ini menjalankan dasar yang di-tetapkan sesuai bagaimana kehendak² daripada orang Melayu yang suka mengambil bahagian chergas dalam segi perdagangan.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Kementerian Pembangunan

Mr Speaker: Kalau Ahli Yang Berhormat hendak berchakap panjang lagi boleh-lah berchakap pada hari Ithnin besok, sebab saya hendak tanggohkan meshuarat ini. Meshuarat ini di-tanggohkan kapada hari Ithnin, 30 haribulan, pukul 10.00 pagi.

Adjourned at 6.30 p.m.